

TRILON-E CREAM

Econazole Nitrate / Triamcinolone Acetonide (1% w/w / 0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan TRILON-E CREAM
2. Bagaimana TRILON-E CREAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan TRILON-E CREAM
4. Cara menggunakan TRILON-E CREAM
5. Semasa menggunakan TRILON-E CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TRILON-E CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan TRILON-E CREAM

Ia adalah satu kombinasi *Econazole Nitrate* dan *Triamcinolone Acetonide*. Kombinasi krim ini diguna untuk melegekan manifestasi keradangan kulit yang respons kepada kortikosteroid apabila dirumitkan oleh jangkitan tahap dua disebabkan oleh kulat atau organisma sensitif kepada *econazole nitrate*. Krim ini diguna dalam kes-kes ruam lampin, keradangan atau jangkitan kulit, lipatan paha atau folikel rambut yang disebabkan oleh kulat. *Econazole nitrate* adalah berkesan dalam rawatan jangkitan kulat seperti *cutaneous candidiasis* (jangkitan kulat pada kulit), *pityriasis versicolor* (yang menjejaskan pigmentasi kulit), *tinea pedis* (kurap kaki), *tinea cruris* (kurap pangkal paha) dan *tinea corporis* (kurap badan).

Bagaimana TRILON-E CREAM berfungsi

TRILON-E CREAM membantu mengurangkan radang (bengkak, sakit, kemerahan, pedih) dan gatal akibat daripada tindakan *Triamcinolone Acetonide* dan merawat jangkitan yang disebabkan oleh kulat dan bakteria gram positif akibat daripada tindakan *Econazole Nitrate*.

Sebelum menggunakan TRILON-E CREAM

- Bila tidak boleh menggunakan

- ◆ Jika anda alergi (hipersensitif) kepada sebarang kandungan dalam TRILON-E CREAM.
- ◆ Sekiranya anda mempunyai penyakit viral kulit seperti *varicella* dan *vaccina*.

- Sebelum menggunakan TRILON-E CREAM

Anda harus memberitahu doktor jika:

- ◆ Anda alergi terhadap ubat yang anda pernah ambil untuk merawat keadaan semasa anda.
- ◆ Anda sedang mengandung atau sedang cuba untuk hamil atau sedang menyusui.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor dan ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herbal, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan TRILON-E CREAM

Sentiasa mengambil ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti. Jangan ambil ubat ini melalui mulut. Ubat ini hanya untuk kegunaan topikal sahaja.

- Berapa banyak harus digunakan

Satu lapisan nipis krim harus disapu untuk menutup sepenuhnya kawasan kulit yang terlibat dan persekitarannya dua kali sehari, pada waktu pagi dan malam.

- Bila perlu digunakan

Krim ini digunakan secara topikal. Krim ini hendaklah digunakan dengan kerap supaya rawatan berkesan.

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh terapi berbeza-beza dan bergantung kepada tahap dan lokasi jangkitan itu.

- Jika terlupa menggunakannya

- ◆ Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu dengan segera apabila anda mengingatinya.
- ◆ Walaubagaimanapun, sekiranya telah hampir masa untuk dos yang berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
- ◆ Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Simptom ketoksikan adalah berkaitan dengan penggunaan kortikosteroid topikal. Simptom disenaraikan pada bahagian 'Kesan-kesan sampingan'. Biasanya, hentikan penggunaan ubat perlu dilakukan.

Semasa menggunakan TRILON-E CREAM

- Perkara yang perlu dilakukan

Elakkan daripada menyapu krim dengan pembalut/pelekat luka pada kawasan badan yang luas kerana ia meningkatkan risiko ketoksikan sistemik.

Elakkan menggunakan krim jika mempunyai jangkitan atas risiko tindak balas sensitiviti berlaku.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda hamil semasa mengambil TRILON-E CREAM.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan TRILON-E CREAM kepada orang lain walaupun simptom mereka seolah-olah sama ataupun mereka mempunyai kondisi yang sama seperti anda. Doktor anda mempreskripsikan TRILON-E CREAM kepada anda dan keadaan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Krim tidak seharusnya disapu pada ulser kaki.

Penggunaan topikal jangka panjang sebaik-baiknya dielakkan terutamanya pada kanak-kanak dan semasa kehamilan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan lain, TRILON-E CREAM juga mempunyai kesan-kesan sampingan walaupun bukan

semua orang akan mendapatnya. Kesan sampingan yang mungkin berlaku seperti berikut :

- ◆ Tanda-tanda jangkitan seperti sakit, kemerahan, atau lepuhan bernanah.
- ◆ Tanda-tanda seperti pedih, gatal, melepuh atau menggelupas yang tidak ada sebelum terapi.

Kegunaan jangka panjang boleh menyebabkan kesan sampingan seperti:

- ◆ Muka bulan disebabkan oleh ketoksikan sistemik.
- ◆ Garisan ungu kemerahan pada tangan, kaki, badan atau lipatan.
- ◆ Penipisan kulit serta mudah lebam.
- ◆ Peningkatan penumbuhan rambut yang luar biasa.
- ◆ Keguguran rambut yang luar biasa.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika terdapat sebarang keraguan atau untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my
(Consumers→Reporting→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI))

Cara penyimpanan dan pelupusan TRILON-E Cream

- Penyimpanan

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh seperti dinyatakan pada hujung tiub. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada panas dan beku.

Jauhi dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim putih dalam tiub aluminium bercetak dengan penutup putih.

Ia dibekalkan dalam tiub aluminium 15g.

- Bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap gram mengandungi bahan aktif Econazole Nitrate 10mg dan Triamcinolone Acetonide 1mg.

- Bahan tidak aktif

Bahan-bahan lain adalah propylene glycol, mineral oil heavy, polyoxyl 40 stearate, stearic acid, cetyl alcohol dan ethylparaben.

- MAL number:

MAL19910845AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

08/10/2020

Nombor siri

BPFK(R4/1)030915/00298